

GARIS PANDUAN
Latihan Orientasi dan Kompetensi
Pegawai Lantikan Baharu
Profesion Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

EDISI PERTAMA
2016

Kata Uluan



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Malaysia

Assalamualaikum
Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam
1Malaysia.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu yang terlibat dalam menghasilkan Garis Panduan Latihan Orientasi dan Kompetensi bagi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia.


Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) merupakan golongan penting sebagai pelengkap dalam sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan dalam Kementerian Kesihatan Malaysia. ASKB menyokong pakar dan pegawai perubatan dalam memberi perkhidmatan promosi, pencegahan, rawatan dan rehabilitasi kepada pesakit atau klien. ASKB bekerja sebagai satu pasukan dalam menyediakan perkhidmatan yang meliputi diagnostik, teknikal, terapeutik dan penjagaan langsung terhadap pesakit supaya sistem penjagaan kesihatan yang diberikan adalah tepat dan efisien.

Dengan adanya garis panduan ini akan dapat menjadi panduan dan rujukan dalam pelaksanaan Latihan Orientasi dan Kompetensi bagi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia. Secara langsung, pegawai lantikan baharu akan diberi pendedahan serta ilmu pengetahuan sewaktu

memulakan tugas di fasiliti Kementerian serta dapat dinilai tahap kompetensi dalam bidang tugas masing-masing. Ini seterusnya akan dapat melahirkan pegawai yang professional dan beretika yang dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pesakit atau klien.

Sebagai penutup, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menghasilkan garis panduan ini. Saya berharap agar pegawai lantikan baharu mendapat manfaat daripada latihan ini, seterusnya berusaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Terima kasih,



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia Malaysia

Kata Aluan



YBhg. Dato' Tan Yoke Hwa
Pengarah Bahagian Sains Kesihatan
Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Kaedah penilaian dan pemantauan kompetensi bagi Anggota Sains Kesihatan Bersekutu (ASKB) adalah amat penting bagi memastikan setiap ASKB melaksanakan tugas secara sistematik, tepat, konsisten dan berkualiti. Dalam memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh ASKB adalah pada tahap yang tertinggi, kecekapan setiap pegawai amatlah penting dan perlu dititikberatkan.

Oleh itu, satu Garis Panduan telah disediakan bagi pelaksanaan **Latihan Orientasi dan Kompetensi Bagi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu**. Pelaksanaan latihan ini adalah bertujuan memberi pendedahan serta ilmu pengetahuan kepada pegawai lantikan baharu sebelum pegawai ini memulakan tugas serta membiasakan diri dengan persekitaran kerja di fasiliti Kementerian. Dalam masa yang sama, pegawai ini akan dinilai melalui kaedah penilaian dan pemantauan kompetensi dengan menggunakan buku log kompetensi bagi memastikan setiap pegawai lantikan baharu yang bertugas di lapangan masing-masing dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik. Dengan pendedahan dan latihan yang diberikan, saya pasti pegawai lantikan baharu ini dapat memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan selamat.

Saya juga percaya dalam menyediakan garis panduan, modul orientasi dan buku log kompetensi serta memastikan pelaksanaannya menjadi satu kenyataan

bukanlah tugas yang mudah. Saya mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada pegawai-pegawai di Cawangan Pembangunan Profesion, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu dan juga pegawai-pegawai daripada Profesion Sains Kesihatan Bersekutu yang telah menyumbang kepakaran dan berkorban masa dan tenaga dalam penyediaannya. Dengan usahasama ini diharapkan akan membantu meningkatkan taraf perkhidmatan ASKB di Kementerian Kesihatan.

Tahniah dan syabas kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan garis panduan ini. Semoga ASKB akan terus maju jaya dan dapat memberikan sumbangan dan membangkitkan semangat untuk lebih cemerlang demi membangunkan negara kita, Malaysia.

Yang ikhlas,



YBhg. Dato' Tan Yoke Hwa
Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu
Kementerian Kesihatan Malaysia

GARIS PANDUAN LATIHAN ORIENTASI DAN KOMPETENSI BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU PROFESION SAINS KESIHATAN BERSEKUTU, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. PENGENALAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan dan rujukan dalam pelaksanaan Latihan Orientasi dan Kompetensi Bagi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Secara keseluruhan, bagi memastikan pegawai lantikan baharu merupakan mereka yang berkompeten dalam menjalankan tugas maka, pelaksanaannya adalah berpandukan kepada 2 fasa.

Pada fasa pertama, Latihan Orentasi akan diberikan kepada pegawai lantikan baharu daripada profesion yang berkenaan. Tujuan latihan orientasi ini adalah sebagai pendedahan awal sebelum anggota ini menjalani Penempatan Klinikal/ Teknikal (Kompetensi). Di samping itu latihan ini juga bertujuan untuk memberi pengetahuan serta melaksanakan penyeragaman orientasi pegawai lantikan baharu bagi semua Profesion Sains Kesihatan Bersekutu. Manakala pada fasa kedua ia melibatkan Penempatan Klinikal / Teknikal (Kompetensi) bagi tujuan penilaian kompetensi dalam bidang masing-masing.

2. LATAR BELAKANG

Dalam arus pemodenan pada masa kini turut mempengaruhi sistem kesihatan yang semakin berkembang samada di Malaysia mahupun peringkat global. Pelbagai jenis cabaran perlu ditangani oleh anggota kesihatan di dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti kepada masyarakat secara khususnya. Tahap pengetahuan dan kesedaran orang ramai mengenai kesihatan yang semakin tinggi juga mempengaruhi tahap ekspektasi mereka terhadap perkhidmatan kesihatan. Secara langsung ia memerlukan anggota kesihatan yang benar-benar mempunyai kemahiran dan berkompotensi tinggi agar dapat melaksanakan tugas yang telah diamanahkan dengan sempurna serta dapat mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Rentetan daripada itu, Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu telah mengambil inisiatif untuk memastikan semua profesion Sains Kesihatan Bersekutu adalah terdiri daripada mereka yang kompeten serta berkemahiran tinggi dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Ini bertepatan dengan slogan kerajaan iaitu *Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan pegawai lantikan baharu ini memenuhi tahap yang telah ditetapkan, latihan orientasi perlu diberikan sebelum pegawai ini menjalani penempatan klinikal / teknikal mereka. Latihan ini juga diperlukan kerana pegawai lantikan baharu ini berlatarbelakangkan bidang pengajian yang berbeza mengikut skim perkhidmatan masing-masing.

3. OBJEKTIF LATIHAN ORIENTASI

- 3.1 Menyediakan maklumat awal sebelum pegawai ini menjalani Penempatan Klinikal/ Teknikal (Kompetensi) bagi penilaian tahap kompetensi.
- 3.2 Memberi pengetahuan berkaitan peraturan-peraturan serta pekeliling-pekeliling yang perlu dipatuhi dalam perkhidmatan kerajaan.
 - 3.2.1 Membimbing perkembangan kerjaya pegawai lantikan baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu.
 - 3.2.2 Menunjukkan sikap profesionalisma dan penyayang dalam penyampaian perkhidmatan dan proses penjagaan pesakit.

4. OBJEKTIF PENEMPATAN KLINIKAL/ TEKNIKAL(KOMPETENSI)

- 1.1 Memberi pendedahan awal kepada Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu agar dapat melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran selaras dengan tugas dan tanggungjawab yang akan dipikul.
- 1.2 Memberi peluang kepada pegawai lantikan baharu untuk berusaha mencapai tahap kompetensi yang memuaskan / tinggi di dalam amalan klinikal/ teknikal.
- 1.3 Menilai tahap kompetensi pegawai lantikan baharu dalam amalan klinikal/ teknikal.
- 1.4 Menjadi profesional Sains Kesihatan Bersekutu yang bertanggungjawab dan dapat memenuhi aspirasi Kementerian Kesihatan Malaysia.


5. LATIHAN ORIENTASI DAN KOMPETENSI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU PROFESION SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Dalam usaha untuk memastikan pegawai Sains Kesihatan Bersekutu adalah terdiri daripada mereka yang berkompentensi dalam menjalankan tugas, maka pelaksanaannya adalah berpandukan kepada 2 fasa:

- 1.1 Fasa I - Latihan Orientasi - Tempoh dan kandungan latihan adalah berbeza bagi setiap profesion Sains Kesihatan Bersekutu.
- 1.2 Fasa II - Penempatan Klinikal / Teknikal (Kompetensi) - Tempoh dan cara pemarkahan adalah berbeza bagi setiap profesion Sains Kesihatan Bersekutu.

Latihan	Kaedah/Tempoh	Peringkat Pelaksanaan
Latihan Orientasi	Teori (Mengikut profesion)	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, KKM
Penempatan Klinikal / Teknikal (Kompetensi)	Amali (tempoh mengikut profesion)	Tempat klinikal / teknikal mengikut profesion

Carta Alir Program Latihan Orientasi dan Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu



6. LATIHAN ORIENTASI

6.1 LATIHAN ORIENTASI BAGI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU PROFESION SAINS KESIHATAN BERSEKUTU, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dalam usaha untuk memastikan pengukuhan ilmu serta ketrampilan dalam melaksanakan tugas, Latihan Orientasi ini dijalankan mengikut modul latihan yang ditetapkan. Modul latihan ini adalah selari dengan Buku Log Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu.

6.2 MODUL LATIHAN ORIENTASI (UMUM)

MODUL	TAJUK (UMUM)	JAM
1	Pengenalan Organisasi Kementerian Kesihatan Malaysia	1 JAM
2	Peraturan dan Garis Panduan Umum (Peraturan, Pekeliling, Perintah Am)	2 JAM
JUMLAH		3 JAM

6.3 MODUL LATIHAN ORIENTASI (KHUSUS)

MODUL	TAJUK (KHUSUS)	JAM
<i>Merujuk kepada bahagian klinikal/ teknikal (mengikut profesion)</i> <i>Sila rujuk Lampiran 1.</i>		

6.4 PENCERAMAH

Penceramah untuk latihan teori akan dilantik oleh Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia. Penceramah terdiri daripada pegawai yang bertugas dan berpengalaman di bidang yang berkaitan dengan modul latihan.

6.5 PENSIJILAN LATIHAN ORIENTASI

Sijil Latihan Orientasi akan dikeluarkan setelah peserta tamat mengikut latihan ini.

7. PENEMPATAN KLINIKAL / TEKNIKAL (KOMPETENSI)

7.1 BUKU LOG KOMPETENSI KOMPETENSI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU PROFESION SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Buku Log Kompetensi akan diberi kepada Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu mengikut profesion yang berkenaan. Senarai buku log kompetensi adalah seperti di bawah.

**Buku Log Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains
Kesihatan Bersekutu:**

- Pegawai Dietetik U41
- Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U41
- Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29
- Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) U41
- Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) U29
- Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) U41
- Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) U41
- Pegawai Optometri U41
- Pegawai Kerja Sosial Perubatan S41
- Pegawai Psikologi (Klinikal) S41
- Pegawai Psikologi (Kaunseling) S41
- Pegawai Pengimejan U41
- Juru X-Ray (Diagnostik) U29
- Pegawai Pengimejan U41
- Juru X-Ray (Terapi) U29
- Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N41
- Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan) N27
- Pegawai Penyediaan Makanan C41
- Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C27
- Pegawai Sains (Fizik) C41
- Pegawai Sains (Kimia Hayat) C41
- Pegawai Sains (Mikrobiologi) C41
- Pegawai Sains (Genetik) C41
- Pegawai Sains (Embriologi) C41
- Pegawai Sains (Forensik) C41
- Pegawai Sains (Biomedikal) C41
- Pegawai Sains (Pemakanan) C41
- Pegawai Sains (Kaji Serangga) C41
- Juruteknologi Makmal Perubatan U29
- Pegawai Kesihatan Persekitaran U41
- Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U29

7.2 PENILAIAN LATIHAN

Penilaian bagi Buku Log Kompetensi adalah berbeza mengikut profesion. Sila rujuk Buku Log Kompetensi dari profesion yang berkenaan.

7.3 PEMARKAHAN

Pemarkahan bagi Buku Log Kompetensi adalah berbeza mengikut profesion. Sila rujuk Buku Log Kompetensi dari profesion yang berkenaan.

7.4 LAPORAN PENCAPAIAN BUKU LOG KOMPETENSI PEGAWAI LANTIKAN BAHARU PROFESION SAINS KESIHATAN BERSEKUTU

Pihak penyelia di hospital / klinik kesihatan / institusi perlu menyelaras aktiviti kompetensi pegawai lantikan baharu yang berkaitan di tempat bertugas dan menyerahkan buku log kompetensi kepada Jawatankuasa Teknikal Profesion. Pihak Jawatankuasa Teknikal Profesion akan menyemak, mengesah, dan memperakukan kompetensi pegawai tersebut. Seterusnya pihak Jawatankuasa Teknikal Profesion akan menghantar Laporan Pencapaian Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu kepada Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk tujuan kelulusan dan persijilan. Laporan kompetensi tersebut perlu menggunakan Borang Laporan Pencapaian Buku Log Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu Kementerian Kesihatan Malaysia adalah seperti di **Lampiran 2**.

7.5 PERSIJILAN KOMPETENSI

Sijil kelulusan kompetensi akan dikeluarkan oleh Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia. Sijil tersebut akan ditandatangani oleh Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia. Maklumat Pegawai Lantikan Baharu Sains Kesihatan Bersekutu yang telah berjaya menerima pensijilan disimpan dalam sistem pangkalan data sebagai rujukan.

Sijil Kelulusan kompetensi yang telah disahkan akan dihantar kepada pegawai lantikan baharu melalui Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing atau jabatan yang terlibat, bersama-sama maklumat ringkasan keputusan. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri atau Jabatan bertanggungjawab untuk mengedarkan sijil kelulusan kompetensi kepada pegawai yang berkenaan. Pihak perkhidmatan jabatan / hospital / pejabat / klinik kesihatan / institusi bertanggungjawab untuk merekod kelulusan kompetensi di dalam Buku Perkhidmatan pegawai yang berkenaan.

Sijil kelulusan kompetensi mengandungi kod nombor sijil yang tertentu. Nombor sijil tersebut adalah khas untuk seseorang pegawai sahaja. Setiap pegawai akan menerima satu sijil sahaja bagi kompetensi. Contoh sijil adalah seperti di **lampiran 3**. Berikut adalah tafsiran yang terkandung dalam sijil tersebut:

CONTOH Sijil Kompetensi:	LOKPSKB/PB/DIET/P&P/001/2016
LOKPSKB	Latihan Orientasi dan Kompetensi Sains Kesihatan Bersekutu
PB	Pegawai Lantikan Baharu
	Pegawai daripada profesion berkenaan:
DIET	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Dietetik
PT	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi / Jurupulih Perubatan Fisioterapi
OT	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
ST	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
AT	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran)
OPTO	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Optometri
P(KS)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Kerja Sosial Perubatan
P(C)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Psikologi (Klinikal)
P(K)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Psikologi (Kaunseling)
XRAY(D)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pengimejan/ Juru X-Ray (Diagnostik)
XRAY(T)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Pengimejan/ Juru X-Ray (Terapi)
PREKOD	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Tadbir / Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
PPM	Pegawai adalah dari profesion Pegawai/ Penolong Pegawai Penyediaan Makanan
PS(FZ)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Fizik)
PS(KH)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Kimia Hayat)
PS(M)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Mikrobiologi)
PS(G)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Genetik)
PS(E)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Embriologi)
PS(FS)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Forensik)
PS(B)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Biomedikal)
PS(P)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Pemakanan)
PS(KS)	Pegawai adalah dari profesion Pegawai Sains (Kaji Serangga)
JTMP	Pegawai adalah dari profesion Juruteknologi Makmal Perubatan
PKP	Pegawai adalah dari profesion Pegawai / Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
P&P atau	Pegawai dari kumpulan yang berkenaan: Pengurusan dan Profesional
PL	Pelaksana

CONTOH Sijil Kompetensi:	LOKPSKB/PB/DIET/P&P/001/2016
001	Nombor siri sijil yang dikeluarkan (mengikut aturan nama pegawai dalam profesion masing-masing)
2016	Tahun sijil dikeluarkan

8.

STRUKTUR ORGANISASI

Bagi membolehkan Latihan Orientasi dan Kompetensi Pegawai Lantikan Baharu Profesion Sains Kesihatan Bersekutu dilaksanakan dengan teratur dan sistematik maka Jawatankuasa Teknikal setiap profesion akan memainkan peranan di dalamnya. Jawatankuasa-jawatankuasa Teknikal yang terlibat dalam Latihan Orientasi dan Kompetensi Pegawai Baharu Sains Kesihatan Bersekutu adalah seperti berikut:

8.1 JAWATANKUASA TEKNIKAL PROFESION (MENGIKUT PROFESION DALAM SAINS KESIHATAN BERSEKUTU)

1. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Dietetik
2. Jawatankuasa Teknikal Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi / Jurupulih Perubatan Fisioterapi
3. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Cara Kerja) / Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)
4. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)
5. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran)
6. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Optometri
7. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Kerja Sosial Perubatan
8. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Psikologi (Klinikal)
9. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Psikologi (Kaunseling)
10. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Pengimejan / Juru X-Ray (Diagnostik)
11. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Pengimejan / Juru X-Ray (Terapi)
12. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Tadbir / Penolong Pegawai Tadbir (Rekod Perubatan)
13. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai / Penolong Pegawai Penyediaan Makanan
14. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Fizik)

15. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Kimia Hayat)
16. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Mikrobiologi)
17. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Genetik)
18. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Embriologi)
19. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Forensik)
20. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Biomedikal)
21. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Pemakanan)
22. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai Sains (Kaji Serangga)
23. Jawatankuasa Teknikal Profesion Juruteknologi Makmal Perubatan
24. Jawatankuasa Teknikal Profesion Pegawai / Penolong Pegawai
Kesihatan Persekitaran

Pengerusi: Ketua Profesion (Mengikut Profesion)

Ahli-ahli: Jawatankuasa Teknikal yang telah dilantik oleh Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu, Kementerian Kesihatan Malaysia



LAMPIRAN



LAMPIRAN
1

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI DIETETIK LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1.	Pengenalan Profesion Pegawai Dietetik	<ul style="list-style-type: none"> • Profesion Pegawai Dietetik • Hala tuju Profesion 	30 minit
2.	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan 	30 minit
3.	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program	<ul style="list-style-type: none"> • Program Perubatan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Hospital Diet Manual ➢ <i>Dietary Guidelines 2010</i> ➢ Diet Terapeutik • Program Kesihatan Awam (Klinik dan Promosi Kesihatan) <ul style="list-style-type: none"> ➢ Kempen Cara Hidup Sihat ➢ Kempen Kafeteria Sihat ➢ Hidangan Sihat semasa mesyuarat • Program Keselamatan dan Kualiti Makanan <ul style="list-style-type: none"> ➢ GMP ➢ HACCP ➢ BESS • Program Penyelidikan dan Teknikal 	1 jam
4.	Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	Skop Tugas dan tanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> • Hospital • Klinik Kesihatan dan • Institut Kesihatan Umum 	30 minit
5.	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Klinikal / Kesihatan Awam / Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas pegawai 	1 jam
6.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) / Garis Panduan</i>	Pengenalan kepada <i>Nutrition Care Process (NCP) Work Process</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Assessment</i> • <i>Diagnosis</i> • <i>Intervention</i> • <i>Monitoring</i> • <i>Evaluation</i> Prosedur dan Standard berkaitan <ol style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan konsultasi diet individu (umum) 	2 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> ii. Perkhidmatan konsultasi diet individu bagi penurunan berat badan iii. Perkhidmatan konsultasi diet bagi pesakit diabetes iv. Perkhidmatan konsultasi diet bagi pesakit hipertensi v. Perkhidmatan konsultasi diet bagi pesakit kanser vi. Perkhidmatan konsultasi diet bagi pesakit failure to thrive vii. Perkhidmatan sokongan pemakanan enteral (enteral nutrition support team) viii. Perkhidmatan pendidikan pemakanan berkumpulan • Carta Aliran Kerja • Borang-Borang • Interpretasi / Analisis / <i>Surveillance Data</i> 	
7.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan pencapaian perkhidmatan • Jenis-jenis census / data • Kaedah pengumpulan dan penyimpanan census/data • Laporan bulanan • Laporan tahunan 	30 minit
8	Latihan Dalam Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Continuing Profesional Development (CPD)</i> • <i>Continuous Medical Education (CME)</i> • Pembentangan kes • Pembentangan jurnal • Latihan sangkut • Attachment pelajar IPTA / IPTS • Kursus jangka pendek (dalam / luar negara) • Hadiah Latihan Persekutuan 	30 minit
9.	Aktiviti Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • QA / DSA / HSA • 5S • KPI • NIA • SQL • ISO 9000 / ISO 15189 • EQA / IQC • GMP / HACCP • BESS 	30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> • Akreditasi MSQH • Penyelidikan • Inovasi • Credentialing dan Privileging • Audit Kompetensi 	
10.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada Malaysian Dietitians' Association (MDA) • Kod etika profesion • Tujuan kod etika • Nilai dan prinsip • Amalan etika 	30 minit
11.	Pengenalan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> • Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 • Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia 1994 • Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 • <i>Malaysian Standard MS 1480 : 1999 Food Safety According to Hazard Analysis Critical Point (HACCP) System</i> • <i>Recommended Nutrient Intakes for Malaysia 2005</i> • Manual Diet Hospital, Kementerian Kesihatan Malaysia 2006 • <i>Good Manufacturing Practices (GMP)</i> • <i>Guidelines for Hospital Catering</i>, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010 • <i>Guidelines Mass Catering</i>, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010 • Garispanduan Spesifikasi Bekalan Makanan Mentah Basah dan Mentah Kering, Perkhidmatan Dietetik dan Sajian, Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia 	1 jam
12.	Tata cara Perolehan dan Pengurusan Aset dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset KEW PA 2 • Pengurusan inventori KEW PA 3 • KEW PS 10 • KEW PS 11 	1 jam
13.	Tata cara Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kod aktiviti kewangan / Kod Objek Sebagai (OS) <ul style="list-style-type: none"> ➢ OS 21000 ➢ OS 23000 ➢ OS25000 ➢ OS27000 	1 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur Kewangan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Perjanjian Program ➢ Latihan Kursus ➢ Pembelian produk 	
14.	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Identification of Hazard (Biological / Chemical / Physical / Environmental / Ergonomic)</i> • <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> • Pencegahan kecederaan • Kawalan infeksi /Infection Control • Laporan insiden • Program Hepatitis B /Suntikan Typhim 	30 minit
15.	Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana Alam • Kebakaran • <i>Code Blue 6000</i> 	30 minit
16.	Perkhidmatan sokongan konsesi	<ul style="list-style-type: none"> • BEM • FEMS • CLS • LLS • CWS 	30 minit
17.	Demonstrasi / Lawatan (Jika berkaitan)	<ul style="list-style-type: none"> • Melaksanakan demonstrasi dan penggunaan peralatan <ul style="list-style-type: none"> ➢ <i>Feeding pump</i> ➢ <i>Pump set</i> ➢ <i>Enteral tube</i> ➢ <i>Measuring tool</i> • Lawatan kerja ke Klinik Diet di Hospital / Klinik Kesihatan (Jika perlu) 	1 jam
18.	Kompetensi Klinikal bagi Lantikan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Buku Log Kompetensi • Pengisian / Penilaian dan Pengesahan Buku Log 	30 minit
19.	Penilaian Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre test</i> • <i>Post test</i> 	30 minit
		JUMLAH JAM	14 JAM

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN FISIOTERAPI & JURUPULIH PERUBATAN FISIOTERAPI LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1.	Pengenalan Profesion Fisioterapi	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Profesion Fisioterapi • Hala tuju Profesion 	30 minit
2.	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan / Rehabilitasi 	30 minit
3.	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program serta Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Program Perubatan • Program Kesihatan Awam • Skop Tugas dan tanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> ▪ Hospital ▪ Klinik Kesihatan dan ▪ Institusi 	1 jam
4.	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Klinikal / Kesihatan Awam / Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas pegawai: <ul style="list-style-type: none"> ▪ Jurupulih Perubatan Fisioterapi U29 ▪ Pegawai Pemulihan Perubatan Fisioterapi U41 ▪ Pembantu Perawatan Kesihatan Tahap 3 	1 jam
5.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) /</i> Garis Panduan	Pengenalan kepada <i>Physiotherapy Work Process</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Assessment</i> • <i>Diagnosis</i> • <i>Intervention</i> • <i>Monitoring</i> • <i>Evaluation</i> Prosedur dan Standard berkaitan: <ol style="list-style-type: none"> i. Pelan Pengurusan Operasi Perkhidmatan Fisioterapi KKM ii. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Muskuloskeletal iii. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Respiratori iv. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Neurologi (Dewasa) v. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Neurologi Pediatrik vi. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Geriatrik 	4 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		vii. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Urinari Inkontinen viii. Prosedur Operasi Standard: Perawatan Fisioterapi Kecederaan Sukan • Carta Aliran Kerja • Borang - Borang • Interpretasi / Analisis / <i>Surveillance Data</i> • Perkhidmatan Kaunter • Sistem Fail • Garis Panduan Dokumentasi: Best Statement • <i>Physiotherapy Care Protocols</i>	
6.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	• Laporan pencapaian perkhidmatan • Jenis-jenis census /data/ SQL • Kaedah pengumpulan dan penyimpanan census/data • Laporan bulanan • Laporan tahunan	1 jam 30 minit
7.	Latihan Dalam Perkhidmatan	• <i>Continuing Profesional Development (CPD)</i> • <i>Continuous Physiotherapy Education (CPE)</i> • <i>Continuous Medical Education (CME)</i> • Pembentangan kes • Pembentangan jurnal • Latihan sangkut • Attachment pelajar IPTA • Kursus jangka pendek (dalam / luar negara) • Hadiah Latihan Persekutuan	1 jam 30 minit
8	Aktiviti Kualiti	• QA / DSA / HSA • 5S • KPI • NIA • ISO 9000 :2008 • Akreditasi MSQH • Penyelidikan • Inovasi • <i>Credentialing dan Privileging</i> • Audit Kompetensi	1 jam 30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
9.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada Malaysian Physiotherapy Association (MPA) • Kod etika profesion • Tujuan kod etika • Nilai dan prinsip • Amalan etika 	30 minit
10.	Pengenalan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> • Akta AHP • Pengenalan AHPiS 	1 jam
11.	Tata cara Perolehan dan Pengurusan Aset dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset KEW PA 2 • Pengurusan inventori KEW PA 3 	1 jam
12.	Tata cara Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kod aktiviti kewangan / Kod Objek Sebagai (OS) • Prosedur kewangan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Perjanjian Program ➢ Latihan Kursus ➢ Pembelian produk 	1 jam
13.	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Identification of Hazard (Biological / Chemical / Physical / Environmental / Ergonomic)</i> • <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> • Pencegahan kecederaan • Kawalan infeksi /Infection Control • Laporan insiden • <i>Safe Practice: Model of Good Care</i> 	30 minit
14.	Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana Alam • Kebakaran 	30 minit
15.	Perkhidmatan sokongan konsesi	<ul style="list-style-type: none"> • BEM • FEMS • CLS • LLS • CWS 	30 minit
16.	Kompetensi Klinikal bagi Lantikan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Buku Log Kompetensi dan Buku Log Prosedur untuk <i>core, speciality</i> dan primer. • Pengenalan Buku Log Kompetensi • Pengisian / Penilaian dan Pengesahan Buku log • Soal selidik kompetensi semasa latihan • Penyerahan Buku Log 	30 minit
17.	Penilaian Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre test</i> • <i>Post test</i> 	1 jam
JUMLAH			18 JAM

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN CARAKERJA / JURUPULIH PERUBATAN CARAKERJA LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1.	Pengenalan Profesion Pemulihan Carakerja	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Profesion Pemulihan Carakerja • Hala tuju dan kerjaya profession 	30 Minit
2.	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan / Lain-Lain 	30 Minit
3.	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan mengenai program / perkhidmatan yang khusus bagi profesion masing-masing yang sedang dilaksanakan di KKM 	30 Minit
4.	Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> • Skop Tugas <ul style="list-style-type: none"> ➢ Preventif ➢ Promotif ➢ Rehabilitatif • Peranan dan Tanggungjawab di pelbagai peringkat <ul style="list-style-type: none"> ➢ Hospital ➢ Klinik Kesihatan ➢ Komuniti ➢ Instistusi 	30 minit
5.	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Hospital/ Klinik kesihatan/ Komuniti / Institusi)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas 	1 Jam
6.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) / Garis Panduan</i>	Pelan Pengurusan Operasi (PPO) SOP <ul style="list-style-type: none"> • Psikiatri dan Kesihatan Mental • Kardiak • <i>Cerebral Palsy</i> • Pemulihan Tangan dan Anggota atas • Strok • <i>Down syndrome</i> • Amputasi • Geriatrik • <i>Rheumatoid Arthritis</i> Kaedah Dokumentasi rekod pesakit -SOAP Borang-Borang yang berkaitan	1 Jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
7.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan pencapaian • Jenis-jenis census • Kaedah pengumpulan dan penyimpanan census • Laporan bulanan • Laporan tahunan 	1 Jam
8	Latihan Dalam Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Continuing Profesional Development (CPD)</i> • <i>Continuous Medical Education (CME)</i> • Pembentangan kes • Pembentangan jurnal • Latihan sangkut • Attachment pelajar IPTA / IPTS • Kursus jangka pendek (dalam / luar negara) • Hadiah Latihan Persekutuan 	1 Jam
9.	Aktiviti Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • QA • 5S • KPI • NIA • SQL • ISO 9000 • Akreditasi • Penyelidikan • Inovasi • <i>Credentialing dan Privileging</i> • Audit Kompetensi 	1 Jam
10.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada <i>Malaysian Occupational Therapy Association MOTA</i> • Pengenalan kepada NGO • Kod etika profesion • Tujuan kod etika • Nilai dan prinsip • Amalan etika 	30 minit
11.	Pengenalan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> • Undang-Undang / Akta-Akta berkaitan yang digunapakai oleh profesion • Akta AHP • Akta Orang Kurang Upaya • Akta Kesihatan Mental 	1 Jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
12.	Tata cara Perolehan dan Pengurusan Aset dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset • Pengurusan inventori 	1 Jam
13.	Tata cara Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kod aktiviti kewangan / Kod Objek Sebagai (OS) • Prosedur kewangan 	1 Jam
14.	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • Akta OSHA • <i>Identification of Hazard</i> • <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> • Kawalan infeksi (<i>Infection Control</i>) • Laporan insiden • Program Hepatitis B / TB 	1 Jam 30 minit
15.	Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana / Kebakaran • <i>Code Blue</i> 	30 minit
16.	Perkhidmatan sokongan konsesi	<ul style="list-style-type: none"> • BEM • FEMS • CLS • LLS • CWS 	30 minit
17.	Kompetensi Klinikal bagi Lantikan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Buku Log Kompetensi • Pengisian / Penilaian dan Pengesahan Buku Log 	30 minit
18.	Penilaian Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre test</i> • <i>Post test</i> 	30 minit
		Jumlah jam	14 Jam

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (PERTUTURAN) LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1.	Pengenalan Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan)	<ul style="list-style-type: none"> • Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) • Hala tuju Profesion 	30 minit
2.	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan 	30 minit
3.	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Program Implan Koklea Kementerian Kesihatan Malaysia • Program <i>Outreach</i> • Program saringan pertuturan-bahasa pelajar sekolah/ pra-sekolah • <i>Visiting clinic</i> • Program Better Hearing & Speech Month • Kem kesihatan/karnival kesihatan • Ceramah • Lain-lain (<i>Parent-Support Group</i>, lawatan ke sekolah pendidikan khas dll) 	1 jam
4.	Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	Skop Tugas dan tanggungjawab <ul style="list-style-type: none"> • Hospital • Klinik Kesihatan dan • Institut Kesihatan Umum 	30 minit
5.	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Klinikal / Kesihatan Awam / Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas pegawai 	1 jam
6.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) / Garis Panduan</i>	Pengenalan POS (Prosedur Operasi Standard) perkhidmatan pemulihan perubatan (pertuturan) KKM yang meliputi: 6 Jenis POS iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • POS Penjagaan Pesakit Dewasa dengan Kecelaruan Komunikasi Perolehan • POS <i>Feeding</i> • POS Penjagaan Pesakit menggunakan Komunikasi Augmentatif dan Alternatif • POS Penjagaan Pesakit Pediatrik dengan Kecelaruan Komunikasi 	2 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> • POS Penjagaan Pesakit dengan Kecelaruhan Suara • POS Penjagaan Pesakit dengan Kecelaruhan Penelanan <p>Pengenalan <i>CPG Management of Autism</i></p>	
7.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	<p>Census Perkhidmatan Pemulihan Perubatan (Pertuturan)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jenis-jenis census termasuk Buku Daftar Rawatan Harian, <i>National ORL Registry</i> • Kaedah pengumpulan census harian, bulanan dan tahunan • Penyimpanan census • Laporan bulanan • Laporan tahunan 	30 minit
8.	Latihan Dalam Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Continuing Profesional Development (CPD)</i> Pegawai Pemulihan Perubatan (Pertuturan) • <i>Continuous Medical Education (CME)</i> • Pembentangan kes / jurnal • Memberi latihan dalam bidang pemulihan pertuturan-bahasa kepada Pegawai Perubatan, pelajar Program Sains Pertuturan IPTA / IPTS dan paramedik yang menjalani Latihan Pos Basik • Latihan sangkut • Kursus Jangka pendek dalam/luar negeri • Hadiah Latihan Persekutuan • <i>Soft Skills</i> 	30 minit
9.	Aktiviti Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • QA / DSA / HSA • 5S • <i>Key Performance Indicator (KPI)</i> • <i>National Indicator Approach (NIA)</i> • SQL • ISO 9000 • Akreditasi MSQH • Penyelidikan • Inovasi • <i>Credentialing dan Privileging</i> • Audit Kompetensi 	30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
10.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Pertubuhan Profesional – SPEAK (Persatuan Patologis Pertuturan-Bahasa, Malaysia) 	30 minit
11.	Pengenalan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> • Akta AHP 	30 minit
12.	Tata cara Perolehan dan Pengurusan Aset dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset KEW PA 2 • Pengurusan inventori KEW PA 3 	1 jam
13.	Tata cara Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kod aktiviti kewangan / Kod Objek Sebagai (OS) • Prosedur kewangan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Perjanjian Program ➢ Latihan Kursus ➢ Pembelian produk 	1 jam
14.	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Identification of Hazard (Biological / Chemical / Physical / Environmental / Ergonomic)</i> • <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> • Pencegahan kecederaan • Kawalan infeksi /<i>Infection Control</i> • Laporan insiden 	30 minit
15.	Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana Alam • Kebakaran 	30 minit
16.	Perkhidmatan sokongan konsesi	<ul style="list-style-type: none"> • BEM • FEMS • CLS • LLS • CWS 	30 minit
17.	Kompetensi Klinikal bagi Lantikan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Buku Log Kompetensi • Pengisian / Penilaian dan Pengesahan Buku Log 	30 minit
18.	Penilaian Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre test</i> • <i>Post test</i> 	30 minit
JUMLAH JAM			12 JAM 30 MINIT

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (PENDENGARAN) LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1.	Pengenalan Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran)	<ul style="list-style-type: none"> • Profesion Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) • Hala tuju Profesion 	30 minit
2.	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan 	30 minit
3.	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program	<p>Program <i>Newborn Hearing Screening</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>High Risk Newborn Hearing Screening Guideline</i> • <i>Newborn Hearing Screening Tracking System</i> • <i>Role of Audiologist as a case manager</i> • <i>Management of Multidisciplinary approach</i> <p>Program Implant Koklea Kebangsaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Cochlear Implant Guideline</i> • <i>Cochlear implant candidacy</i> • <i>Procedure for referral</i> • <i>Role of Audiologist as a case manager</i> • <i>Management of Multidisciplinary approach</i> 	3 jam
4.	Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	<p>Skop Tugas dan tanggungjawab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hospital • <i>Special Hospital</i> • Klinik Kesihatan 	30 minit
5.	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Klinikal / Kesihatan Awam / Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas pegawai 	1 jam
6.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) / Garis Panduan</i>	<p>Pengenalan kepada Pelan Pengurusan Operasi (PPO dan Prosedur Operasi Standad (POS) perkhidmatan Audiologi KKM yang meliputi:</p> <p>Jenis-Jenis POS (7 POS) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • POS Penjagaan Pesakit Dewasa Bermasalah Pendengaran • POS Penjagaan Pesakit Pediatrik Bermasalah Pendengaran 	3 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> • POS Penjagaan Pesakit Tinnitus • POS Penjagaan Pesakit Vestibular dan Keseimbangan • POS Penjagaan Pesakit Yang Terdedah Kepada Kebisingan • POS Penjagaan Pesakit Bermasalah Retrokoklear • POS Penjagaan Pesakit Yang Membuat Tuntutan Pampasan dan Kes Perundangan Perubatan • Carta alir setiap POS • Borang-borang yang diguna pakai • <i>Soft skills</i> <p>Pengenalan kepada <i>Guideline</i> dan <i>Clinical Practice Guideline (CPG)</i> iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hearing Aid Prescription and Fitting Guideline</i> • <i>Clinical Practice Guideline of Otitis Media</i> • <i>Clinical Practice Guideline Management of Autism</i> <p>Pengenalan kepada prosedur dan garis panduan permohonan alat bantu pendengaran bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tabung Bantuan Perubatan (TBP) • Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) • Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) • Zakat/ Baitulmal • ATM Veteran 	
7.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Census Perkhidmatan Pegawai Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) • Sistem maklumat Buku Daftar • <i>National ORL Registry</i> • Kaedah pengumpulan census harian, bulanan dan tahunan • Penyimpanan census 	30 minit
8.	Latihan Dalam Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Continuing Profesional Development (CPD)</i> Pegawai Pemulihan Perubatan (Pendengaran) termasuk kategori CPD • <i>Continuous Medical Education (CME) / Continuous Audiology Education (CAE)</i> 	30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<ul style="list-style-type: none"> • Memberi latihan dalam bidang Audiologi kepada Pegawai Perubatan, pelajar klinikal Audiologi IPTA / IPTS dan paramedik yang menjalani latihan <i>pos basic</i> • Latihan sangkut • Kursus Jangka pendek dalam/luar negeri 	
9.	Aktiviti Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • QA / DSA / HSA • 5S • KPI untuk Audiologi • NIA • SQL • ISO • Akreditasi MSQH • Penyelidikan • Inovasi • <i>Credentialing dan Privileging</i> • Audit Kompetensi 	30 minit
10.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pertubuhan Profesional- MANSA • <i>Professional Registration and certification</i> • <i>Credentialing & privileging</i> 	30 minit
11.	Pengenalan Undang-Undang	<ul style="list-style-type: none"> • Akta AHP 	1 jam
12.	Tata cara Perolehan dan Pengurusan Aset dan Inventori	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan aset KEW PA 2 • Pengurusan inventori KEW PA 3 • KEW PS 10 • KEW PS 11 	1 jam
13.	Tata cara Kewangan	<ul style="list-style-type: none"> • Kod aktiviti kewangan / Kod Objek Sebagai (OS) • Prosedur kewangan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Perjanjian Program ➢ Latihan Kursus ➢ Pembelian produk 	1 jam
14.	Keselamatan dan Kesihatan Pekerja	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Identification of Hazard (Biological / Chemical / Physical / Environmental / Ergonomic)</i> • <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> • Pencegahan kecederaan • Kawalan infeksi / Infection Control • Laporan insiden 	30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
15.	Pelan Tindakan Kecemasan	<ul style="list-style-type: none"> • Bencana Alam • Kebakaran 	30 minit
16.	Perkhidmatan sokongan konsesi	<ul style="list-style-type: none"> • BEM • FEMS • CLS • LLS • CWS 	30 minit
17.	Kompetensi Klinikal bagi Lantikan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan Buku Log Kompetensi • Pengisian / Penilaian dan Pengesahan Buku Log 	30 minit
18.	Penilaian Kursus	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Pre test</i> • <i>Post test</i> 	30 minit
JUMLAH			16 JAM

MODUL ORIENTASI BAGI PEGAWAI OPTOMETRI LANTIKAN BAHARU

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
1	Pengenalan Profesion Pegawai Optometri	<ul style="list-style-type: none"> • Profesion Pegawai Optometri • Visi, Misi • Sejarah Perkhidmatan Optometri • Hala tuju Profesion 	30 minit
2	Struktur Organisasi Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Struktur organisasi peringkat KKM / JKN / Hospital / Pejabat Kesihatan / Klinik / Institusi Kesihatan 	30 minit
3	Pengenalan kepada Perkhidmatan / Program	<ul style="list-style-type: none"> • Program <i>Outreach</i> • Program saringan penglihatan pelajar sekolah / pra-sekolah • <i>Diabetic Eye Screening</i> • Klinik Katarak Bergerak 1Malaysia • Kem kesihatan/karnival kesihatan • Lain-lain (program semasa contoh: Kempen Kesedaran Kanta Lepak, aktiviti Hari Glaucoma, aktiviti Hari Penglihatan Sedunia dan lain-lain) 	1 jam
4	Skop Tugas, Peranan dan Tanggungjawab	<p>Skop Tugas dan tanggungjawab</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hospital • Klinik Kesihatan dan • Institut Kesihatan Umum 	30 minit
5	Senarai Tugas Mengikut Pelbagai Fasiliti (Klinikal / Kesihatan Awam / Makmal)	<ul style="list-style-type: none"> • Manual Prosedur Kerja • Fail Meja • Senarai Tugas pegawai • Pegawai Optometri U41 untuk; Hospital Pakar / Hospital Tanpa Pakar / Klinik Kesihatan • Sasaran Kerja Tahunan 	1 jam
6.	Pengenalan kepada <i>Work Process / Standard of Prosedur (SOP) / Garis Panduan</i>	<p>Pengenalan <i>Standard Optometry Procedure SOP</i> perkhidmatan Optometri KKM yang meliputi:</p> <p>Jenis-Jenis SOP (6 SOP) iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • SOP Ralat Refraksi • SOP Kanta Lepak • SOP Penglihatan Terhad • SOP Penglihatan Binokular • SOP Optometri Pediatrik • SOP Optometri Primer • <i>Soft skills</i> 	2 jam

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
		<p><i>Image</i></p> <p><i>i. Towards patients delight</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Carta Aliran Kerja • Borang-Borang yang digunakan 	
7.	Laporan Pencapaian / Laporan Tahunan	<ul style="list-style-type: none"> • Laporan pencapaian perkhidmatan • Census Perkhidmatan Optometri • Jenis-jenis census termasuk census klinik dan census program <i>outreach</i>. • Kaedah pengumpulan census harian, bulanan dan tahunan • Penyimpanan dan penghantaran census • Laporan bulanan • Laporan tahunan 	30 minit
8	Latihan Dalam Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>CPD online</i> • <i>Continuing Medical Education (CME)</i> peringkat hospital dan jabatan • <i>Continuous Optometry Education (COE)</i> peringkat kebangsaan • Memberi latihan dalam bidang optometri kepada Pegawai Perubatan, pelajar optometri IPTA/IPTS dan paramedik yang menjalani latihan pos basik • Latihan sangkut di hospital yang menawarkan pengkhususan optometri • Kursus Jangka pendek dalam / luar negeri 	30 minit
9.	Aktiviti Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> • QA • 5S • KPI Optometri • NIA • ISO 9000: 2008 • Akreditasi MSQH • Penyelidikan • Inovasi • Credentialing dan Privileging 	1 jam
10.	Pengenalan kepada Persatuan / NGO / Kod Etika Profesion	<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan kepada Persatuan • Kod etika profesion • Tujuan kod etika • Nilai dan prinsip • Amalan etika 	30 minit

MODUL	TAJUK KHUSUS	KANDUNGAN	TEMPOH (JAM)
